

EVOLUSI DASAR PERTAHANAN MALAYSIA DALAM ERA TUN MAHATHIR MOHAMAD 1981-2003

**THE EVOLUTION OF MALAYSIAN DEFENSE POLICY IN THE ERA TUN
MAHATHIR MOHAMAD 1981-2003**

Rodziah Md Zain¹

School of International Studies (SOIS),
College of Law, Government and International Studies (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia.

(Email: rodzyah@uum.edu.my) H/p: 019569617

Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Abdullah²

School of International Studies (SOIS),
College of Law, Government and International Studies (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia.
(Email: nizam.uum.edu.my)

Dr. Mohamad Faisol Keling³

School of International Studies (SOIS),
College of Law, Government and International Studies (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia.
(Email: m.faisol@uum.edu.my)

Received date: 01-09-2018

Revised date: 19-09-2018

Accepted date: 03-11-2019

Published date: 15-12-2019

To cite this document: Md Zain, R., Abdullah, M. K., & Keling, M. F. (2019). Evolusi Dasar Pertahanan Malaysia dalam Era Tun Mahathir Mohamad 1981-2003. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 13-24.

DOI: 10.35631/ijlgc.417002

Abstrak: Dasar Pertahanan Negara mencerminkan hasrat setiap negara untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya serta memelihara keselamatan negara. Ia merupakan satu manifestasi matlamat yang bertanggungjawab untuk melindungi keselamatan dan kepentingan strategik sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, tiga asas utama yang menjadi teras Dasar Pertahanan Malaysia iaitu kepentingan strategik negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Terdapat tiga perubahan bentuk utama dalam Dasar Pertahanan Malaysia yang bermula dengan era Tunku Abdul Rahman (1957-1970), era Tun Razak/ Tun Hussein Onn (1970-1980) serta era Tun Mahathir (1981-2003). Era Tunku Abdul Rahman 1957 sehingga 1970 adalah pro barat (*dependency*). Manakala ketika era pemerintahan Tun Razak pada tahun 1970 sehingga

1976 dan Tun Hussin Onn pada tahun 1976 sehingga 1980, dasar pertahanan berubah kepada Neutrality (berkecuali). Berbeza pula sewaktu pentadbiran era Mahathir, dasar pertahanannya cenderung kepada bentuk *self-reliance* (berdikari). Perubahan dasar pertahanan Mahathir dapat dilihat dalam *Precurement* persenjataan beliau yang telah memberi kesan kepada Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang begitu lantang dan berani bersuara. Di gelanggang antarabangsa, suaranya begitu bergema bagi menyuarakan aspirasi Negara Dunia Ketiga dan komitmen yang ditunjukkan melebihi pemimpin yang lain. *Self-reliance* di bawah pentadbiran Tun Mahathir menjadikan aspek pertahanan Malaysia bertambah moden sehingga Tun Mahathir menjadi rujukan dan perhatian diseluruh dunia terutamanya Negara Dunia Ketiga.

Kata Kunci: Pertahanan, Keselamatan, Kepentingan Strategik, Kestabilan, *Self-Reliance* (Berdikari)

Abstracts: The National Defense Policy reflects the desire of every country to defend its strategic interests and to preserve national security. It is a manifestation of the goal of protecting the security and strategic interests of a country. In the Malaysian context, the three main thrusts are the thrusts of the Malaysian Defense Policy namely the national strategic importance, defense principles, and defense concepts. There were three major changes in the Malaysian Defense Policy that began with the era of Tunku Abdul Rahman (1957-1970), Tun Razak / Tun Hussein Onn (1970-1980) and Tun Mahathir era (1981-2003). The Tunku Abdul Rahman era 1957 until 1970 was pro-western (dependency). During the reign of Tun Razak from 1970 to 1976 and Tun Hussein Onn from 1976 to 1980, the defense policy changed to Neutrality (neutrality). In contrast to the Mahathir era administration, his defense base tends to form self-reliance. The change of Mahathir's defense policy can be seen in the Procurement of his weaponry that has affected Malaysia as a developing country that is so vocal and bold to speak. In the international ring, his voice is so echoed to voice the aspirations of the Third World and the commitment shown above the other leaders. Self-reliance under Tun Mahathir's administration made Malaysia's defense aspect more modern until Tun Mahathir became references and attention throughout the world, especially the Third World.

Key Words: Defense, Security, Strategic Importance, Stability, *Self-Reliance* (*Independence*)

Pengenalan

Dua buah kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Soviet (USSR) masing-masing berusaha untuk memperluaskan kuasa dan pengaruh. Situasi ini telah menyebabkan rantau ini berada dalam ketidakstabilan. **K.S Nathan** menyatakan bahawa dua buah kuasa besar utama dunia iaitu AS dan USSR berusaha memperluaskan kuasa masing-masing termasuk menyebarkan ideologi komunis antarabangsa (*international communism*) dan *free world*.¹ Senario ini juga sudah tentunya akan mempengaruhi negara-negara di setiap rantau dan global sepermulaan perperangan dan konflik seperti Perang Vietnam I (1945-1954) dan Perang Vietnam II (1965-1975).

¹ K.S Nathan. (2008). Malaysia and international security:Role and commitments, issues and challenges. Pembentangan kertas kerja . The 6th International Malaysian Studies Conference. Kuching. Crown Plaza Riverside Hotel. 5-7 August. Hlm 9.

Walaupun berakhirnya Perang Dingin, sengketa-sengketa lama masih berterusan seperti di Timur Tengah, Asia Barat dan Asia Pasifik. Ancaman dan konflik masih tercusus antaranya ancaman dan ketidakstabilan yang telah melibatkan banyak negara termasuk Malaysia yang menghadapi pelbagai ancaman dalam dan luaran yang memerlukan perubahan sebuah dasar pertahanan yang kukuh dan padu. Ancaman dalam dan luaran yang dipengaruhi oleh perselisihan berbentuk dua hala dan yang berbentuk pelbagai hala.

Perselisihan berbentuk dua hala banyak tertumpu kepada masalah antara negara yang menghadapi masalah wilayah dan sempadan serta isu gerakan pemisah. Contohnya, krisis antara Malaysia-Filipina yang berpunca daripada tuntutan wilayah Sabah oleh Filipina yang menuntut hak yang menyebabkan wujudnya ketegangan antara negara. Malah masalah ini bertambah serius apabila kerajaan Filipina menuduh Malaysia membantu kegiatan gerakan pemisah Moro Islam di Selatan Filipina.

Malaysia turut menghadapi masalah dan ketegangan politik dengan Thailand yang berpunca daripada tuduhan Thailand ke atas Malaysia yang mengaitkan penglibatan Malaysia dalam gerakan pemisah Pattani Islam di Selatan Thailand yang didakwa melibatkan kerajaan negeri Kelantan (Malaysia). Malaysia turut menghadapi masalah dengan Singapura apabila isu perkauman telah menjadi isu yang membawa tindakan Singapura untuk keluar daripada Persekutuan Malaysia². Manakala idea Presiden Sukarno untuk menubuhkan Gagasan Nusantara (Melayu Raya) telah mengakibatkan Malaysia dan Singapura tertekan dengan ancaman keselamatan daripada Indonesia. Konfrantasi Indonesia-Malaysia pada tahun 1965 adalah klimaks kepada ketegangan kedua-dua negara apabila Indonesia telah mengambil tindakan ketenteraan ke atas Malaysia. Malaysia dapat mengharungi kesukaran dengan pembangunan pertahanan menghadapi ancaman dan konflik dengan melaksanakan pembangunan pertahanan dan keselamatan.

Pembangunan Pertahanan Malaysia

Ancaman dalam dan luaran negara telah mempengaruhi Malaysia untuk memperkuuh dan memperkasakan aspek pembangunan pertahanan dan Dasar Pertahanan Negara (DPN). Sejak merdeka, pendekatan pertahanan negara ini mengalami perubahan demi perubahan agar pertahanan dan keselamatan Malaysia terjamin. Bagi menjamin keselamatan Malaysia, pada tahun 1948 sehingga tahun 1960, Malaysia bernaung dengan Britain dalam aspek pertahanan. Pendekatan pertahanan adalah berlandaskan dasar luar negara dan bergantung kepada dasar yang diamalkan oleh penjajah khususnya British³. Justeru, perjanjian keselamatan *Anglo Malayan Defense Arrangement* (AMDA) ditubuhkan pada 12 Oktober 1957 dengan kerjasama Britain agar keselamatan Malaysia dilindungi dan ianya menjadi teras sokongan Dasar Pertahanan British kepada Tanah Melayu.

Cadangan untuk membentuk DPN bermula pada tahun 1962 yang dikenali *Dynamo Plan* (Plan Dynamo) bertujuan untuk memperluaskan peranan ATM untuk membantu pihak polis menjaga keselamatan. Namun, pembangunan DPN ini gagal kerana British menolak kerana memerlukan kos yang tinggi. Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1963 juga telah meningkatkan komitmen Malaysia dalam aspek pertahanan dan keselamatan

² K.S Nathan (2008).Op.cit.hlm 2


³ Chandran Jeshun (1980) dalam Malaysia Defence Policy: A Study of Parliaments Attitudes : 1963-1974. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm 11

beritan pertambahan wilayah. Konfrontasi Malaysia -Indonesia 1965 dan tindakan Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia menyebabkan aspek keselamatan dan pembangunan pertahanan mula mendapat perhatian.

Pada tahun 1964, isu keselamatan seperti tamatnya darurat 1960 dan PKM bermaharajalela telah mendapat perhatian sidang parlimen. Perbincangan ini dipanjangkan dan turut dibincangkan di Mesyuarat Kerjasama Asia Pasifik Seoul pada tahun 1966 dan menetapkan DPN berteraskan memelihara kemakmuran, keamanan, memelihara kedaulatan dan berkecuali. Walaupun begitu, DPN gagal menghasilkan Kertas Putih Pertahanan (*Defence White Paper*) walaupun terdapat cadangan menghasilkan (KPP). Walaupun demikian, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertujuan untuk menyelaraskan hal ehwal ancaman kepada keselamatan negara.

Pada tahun 1981, KPP yang komprehensif telah dibentuk , namun ianya gagal lagi untuk menghasilkan KPP pada 1986. Walaubagaimanapun, MKN telah memberi kelulusan kertas cadangan tersebut sebagai rujukan DPN. Usaha menghasilkan KPP telah diteruskan dengan menjalankan kajian dan penelitian semula pada tahun 1991 dan dibentangkan kepada kabinet pada tahun 1993 namun ianya gagal menghasilkan KPP.

Menurut Kementerian Pertahanan Malaysia, DPN mencerminkan hasrat negara untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan negara. Dasar pertahanan menggariskan tiga asas utama, iaitu kepentingan-kepentingan strategiknya negara, prinsip-prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Ia menekankan keperluan mengekalkan sekitaran kawasan kepentingan strategic negara yang stabil dan aman. Objektif utama pendekatan pertahanan negara Malaysia adalah untuk mempertahankan kepentingan negara yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi. Untuk mencapai tujuan tersebut, keperluan satu strategi komprehensif telah dibentuk sebagai prinsip-prinsip asas pertahanan berdasarkan tiga prinsip utama Dasar Pertahanan Negara:




Tiga Prinsip utama Dasar Pertahanan Negara Malaysia

Perubahan Dasar Pertahanan Malaysia

Pembangunan ketenteraan negara semenjak tahun 1957 telah dapat dilihat dengan pelbagai perubahan. Berikut, merupakan jangkamasa 1957-1970, 1970-1976, 1976-1981 dan 1981-2003. Di sini, ia menunjukkan perubahan pembangunan Dasar Pertahanan Negara adalah berbeza mengikut kepimpinan tertinggi negara. Walaupun rata-rata pemikir strategi melihat faktor yang mempengaruhi dasar dan pembangunan pertahanan dipengaruhi oleh persepsi ancaman (*treat perception*). Namun, perbezaan gaya pendekatan setiap kepimpinan negara turut dianggap mempengaruhi dasar pertahanan. Perubahan dalam Dasar Pertahanan Malaysia dapat dilihat melalui pemerintahan setiap Perdana Menteri Malaysia bermula dengan ketika era Tunku Abdul Rahman sehingga era Tun Mahathir dapat diringkaskan seperti berikut:

⁴ Diubahsuai daripada Pertahanan Malaysia: Kearah Pertahanan Yang Berdikari. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan. Hlm 22



Evolusi Dasar Pertahanan sehingga era Tun Mahathir 1981-2003

Dasar Pertahanan Era Tunku Abdul Rahman (1957-1970)

Umumnya, Dasar Pertahanan yang dicorakkan oleh Perdana Menteri telah mempengaruhi bentuk Dasar Pertahanan yang diamalkan. Tanah Melayu ketika transisi kemerdekaan masih lagi bergantung kepada kerajaan British. Keperibadian Tunku yang begitu menyenangi Barat telah mendorong beliau menjalankan hubungan yang erat dengan negara-negara Barat. Sejak 1957 sehingga berakhirnya zaman Tunku, Tunku menonjolkan sikap pro-barat dan antikomunis. Kebergantungan ini adalah kerana Tanah Melayu baru merdeka, masih muda dan pada masa itu negara menghadapi ancaman komunis. Oleh sebab itu, dasar Tunku ketika itu ialah *pro-west* dan anti komunis. British telah memainkan peranan yang besar dalam soal pertahanan negara. Kebergantungan (*dependency*) ini jelas terbukti apabila Tanah Melayu telah menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain pada bulan Oktober 1957.⁵ Perjanjian ini membolehkan tentera British, Australia dan New Zealand ditempatkan di Tanah Melayu untuk menentang pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM).⁶

Kerajaan Perikatan di bawah Tunku Abdul Rahman mementingkan hubungan dengan barat (*pro-west*) khususnya British dan hanya mengadakan hubungan diplomatik dengan negara yang bukan komunis seperti Britain, Indonesia, Australia, Thailand, India dan Filipina serta menyertai KOMANWEL (Pertubuhan Negara-Negara Bekas Jajahan British). Ketika era Tunku Dasar Pertahanan zaman Tunku berbentuk *dependency* (bergantungan) merupakan kebiasaan bagi Negara baru lahir sejimana dinyatakan oleh Muhammad Ayob iaitu:

Ini kerana dalam era 1950-an dan 1960-an rata-rata Negara Asia Tenggara merupakan negara-negara yang baru ‘dilahirkan’ setelah mendapat kemerdekaan daripada kuasa-kuasa penjajah. Oleh kerana usia Negara Asia Tenggara yang masih muda, negara-negara ini

⁵ K. Ratnam. 1998. Sejarah Kertas 940/2 Malaysia, Asia tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur. Pustaka sarjana Sdn . Bhd: The Commercial Press. Hlm: 206.

⁶ Ibid. Hlm: 206.

turut menghadapi ketidakstabilan politik dalaman, menghadapi konflik entik, masalah perpaduan dan sistem keselamatan dan pertahanan yang lemah⁷.

Mengadakan perjanjian pertahanan dengan Britain, penerimaan bantuan pertahanan dari Barat dan dasar antikomunis merupakan sikap manifestasi sikap pro-Barat.⁸ AMDA (*Anglo Malayan Defence Agreement*) merupakan perjanjian pertahanan dan bantuan ketenteraan dari Barat. Melalui perjanjian ini, Britain mempunyai komitmen untuk melindungi Tanah Melayu dari sebarang ancaman negara luar dan akan melatih dan membangunkan pasukan tentera Tanah Melayu.

Dasar Pertahanan Era Tun Abdul Razak (1970-1976) Dan Tun Hussein Onn (1976-1981)

Apabila tumpuk pemerintahan bertukar tangan kepada Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua (1970-1976) pendekatan pertahanan berubah bentuk dari *dependency* kepada pola *neutrality* (berkecuali). Ini adalah kerana komunis masih menjadi ancaman, menyebabkan Malaysia mengambil langkah berhati-hati dan tidak memihak kepada mana-mana negara dalam menjalinkan hubungan dengan negara luar. Malaysia ketika itu masih lagi bergantung harap kepada kuasa barat seperti British sebagai satu usaha menangani ancaman komunis.⁹ Tun Abdul Razak telah mengambil pendekatan neutraliti dalam meneraju negara ini dan telah menjelajah ke seluruh dunia untuk memperluaskan persahabatan antara negara tanpa mengira ideologi atau fahaman negara lain.¹⁰ Lawatan pertama Tun Abdul Razak selepas menjadi Perdana Menteri Kedua dalam memperkenalkan dasar Malaysia ketika itu yang bersifat berkecuali ialah ke Beijing, China. Lawatan-lawatan beliau seterusnya ialah ke negara-negara di benua Amerika Latin, Asia Pasifik dan Timor Tengah. Semasa era Tun Abdul Razak, Malaysia juga menganggotai Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Persatuan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Tun Abdul Razak turut menyatakan bahawa polisi neutraliti ini adalah selari dengan kehendak antarabangsa yang menjadi ikutan di seluruh dunia seperti mana ucapan beliau dalam perutusan Hari Malaysia iaitu:

We have to a shift in foreign policy as a tool to keep peace with the trend of events in the world...¹¹

Selepas Tun Abdul Razak meninggal dunia, bermulalah pemerintahan Perdana Menteri Ketiga iaitu Tun Hussein Onn (1976-1981). Ketika dunia sedang berhadapan dengan keadaan dunia yang agak tegang akibat perbezaan ideologi, Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan pengukuhan dasar negaranya di samping mengekalkan langkah berkecuali dengan negara yang sedang berkonflik.¹² Pendekatan Tun Hussein Onn tidak banyak berubah dengan pendekatan Tun

⁷ Mohammed Ayoob, *The Third World security predicament: State making, regional conflict and the international system*, Lynne Rienner, Boulder, 1995. hlm 5

⁸ Faridah Jaafar.2007. Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005.Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.Hlm: 34.

⁹ Chee S. 1974. Hlm 88.

¹⁰ Selat. 2008. Hlm 109.

¹¹ Makalah Penerangan.1975. Jabatan Penerangan Malaysia. Hlm 86.

¹² Gordon P Means.1991. Malaysian Politics the Second Generation.Oxford University Press:Singapore. Hlm 77.

Abdul Razak dalam arus politik Malaysia ketika itu sepetimana ucapan Tun Hussein Onn dalam Perhimpunan Agong UMNO pada 1997 yang menyatakan bahawa:

Di dalam pelaksanaan dasar berkecuali dan dasar bebas luar negeri, kita sentiasa menghulurkan tangan persahabatan kepada semua negara yang berhasrat hendak bersahabat dengan kita, tidak kira sistem kerajaan atau ideologi politik mereka, kecuali mereka bersedia mengakui kemerdekaan dan kedaulatan kita dan tidak melibatkan diri mereka di dalam hal ehwal negeri kita.¹³

Ketika ini juga Malaysia meningkatkan perbelanjaannya bagi pasukan bersenjata dengan 56 peratus (%) pada tahun 1980 dan pembelian 80 pesawat Skyhawk tambahan dan peningkatan jarak jauh angkatan tentera untuk pembesaran saiz tentera dengan mengadakan hubungan dan kerjasama pertahanan dengan empat negara lain dalam Perjanjian Pertahanan Lima Pakatan (*Five Power Defence arrangements*) (FPDA) antara Malaysia, Singapura, Britain, Australia dan New Zealand.

Ini dinyatakan dalam buku Gordon P. Means :

In reaction to these new power realities in South-East Asia, Malaysia increased its expenditure for its armed force by 56 per cent in 1980 parliamentary session, and also arranged for the purchase of 80 additional Skyhawk planes and the long-range increase of its armed forces to include a reserve forces that would by 1990 be three times the size of the standing army. At the same time, Malaysia re-emphasized its mutual security arrangements the were provides by the Five Power Defence Pact between Malaysia, Singapore, Britain, Australia and New Zealand.¹⁴

Dalam kenyataan Tun Hussein dalam ucapannya di Sidang Kemuncak ASEAN;

I would ensure that the Malaysia peoples and government would contribute more to strengthening and ultimately the success of ASEAN...¹⁵.

ASEAN telah bersetuju menjadikan rantau ini sebagai rantau yang bebas daripada persaingan kuasa besar. Ekoran ini, muncul konsep Zon Aman, Bebas, dan Berkecuali (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*) (ZOPFAN) di semua negara anggota ASEAN. Selain itu, semua negara ASEAN juga bersetuju mengelakkan rantau ini daripada menjadi tempat persaingan tenaga nuklear dan menerima konsep *South East Asia Nuclear Weapons free Zone* (SEANWFZ).¹⁶ Di samping memberikan tumpuan kepada ASEAN, Tun Hussein Onn juga berusaha untuk meningkatkan hubungan Malaysia dengan China yang telah dirintis oleh Tun Abdul Razak dahulu. Rasionalnya ialah untuk memberikan pemahaman jelas tentang situasi politik yang tegang di rantau Asia Tenggara, mengurangkan potensi ancaman China sebagai sebuah negara komunis di samping meminta agar China menghentikan penyaluran bantuan kepada Parti Komunis Malaya di Malaysia.¹⁷

¹³ Onn. 1975.Hlm:

¹⁴ Gordon P Means.1991. Malaysian Politics the Second Generation.Oxford University Press:Singapore. Hlm 78.

¹⁵ Chee C.H.Hlm:

¹⁶ Mardiana Nordin dan Hasnah Husiin.2011.Pengajian Malaysia.Edisi Keempat.Oxford Fajar.Hlm: 364.

¹⁷ Utusan Melayu.1978.Hlm:38.

Perubahan Dasar Pertahanan Era Tun Mahathir Mohamad (1981-2003)

Dasar Pertahanan berubah kepada bentuk *Self Reliance*. Pentadbiran Tun Dr. Mahathir telah menyaksikan bahawa beliau begitu tegas dalam semua perkara. Semasa awal pentadbiran, beliau menegaskan pendirian Malaysia terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dimana keperluan untuk menjaga Antartika sebagai tapak warisan bersama dunia perlu disepakati oleh semua pihak.¹⁸ Beliau menegaskan pendekatan proaktif dalam memperjuangkan isu Apartheid di Afrika Selatan di samping memperjuangkan keamanan bumi Palestin. Sebelum ini, dasar Malaysia menjadikan Barat sebagai role-model. Dalam era Mahathir, beliau membuat perubahan yang drastik dengan menjadikan Timur sebagai role-model. Ini merupakan satu pembaharuan yang sangat nyata dalam pemerintahan Malaysia dan menarik perhatian dunia khususnya, Barat.

Malaysia amat terkenal di persada antarabangsa semasa berada di bawah pentadbiran Tun Dr. Mahathir dan menjadi *role model* bagi Negara Dunia Ketiga dari pelbagai sudut termasuklah perubahan dalam memodenkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pertahanan. Cabaran-cabaran semasa memerlukan perubahan dalam dasar pertahanan demi pengukuhan pertahanan sepetimana dinyatakan oleh **David Jablonsky** dalam *US Military Doctrine and the Revolution in Military Affairs* menyatakan mengenai perkembangan pembangunan dalam pertempuran akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa kerana keperluan untuk mengejar kejayaan dan kuasa akan membuatkan sesebuah negara untuk terus membangunkan teknologi khususnya dalam aspek keselamatan dan ketenteraan demi kemajuan dalam aspek pertahanan.

The nature of warfare is changing. Although the revolution in warfare is still underway its outlines have become clear. The effects of technology- in precision guided weapons in stealthy delivery systems in advanced sensor and targeting system, in battle management platform is transforming and in fact already has demonstrably transformed the way in which armed forces conduct their operations...¹⁹

Dalam era pentadbiran Mahathir menjangkau dua puluh dua tahun iaitu dari tahun 1981 sehingga 2003, dasar pertahanannya lebih kepada *self-reliance* berbanding pentadbiran sebelumnya yang pro barat, bergantung kepada barat serta bersikap berkecuali. Sewaktu pentadbiran Mahathir, *less emphasis* Malaysia bukan lagi kepada *Five Power Defence Arrangement* (FPDA). Ini bermaksud bahawa Malaysia tidak keluar dari FPDA tetapi fokus Mahathir tidak kepada FPDA tetapi fokus pada ketika itu adalah ASEAN. Perjanjian-perjanjian keselamatan dengan Amerika Syarikat, sebelum ini ada *join exercise* dengan Amerika Syarikat, United Kingdom, kini terdapat *join exercise* dengan Rusia, Korea dan China. Kerjasama ini khususnya pertukaran pertahanan, delegasi tentera, personel, maklumat dan latihan ketenteraan hubungan dua hala antara Angkatan Tentera Malaysia dengan tentera China bermula hasil lawatan Menteri Pertahanan Malaysia pada 1992 dan diikuti lawatan Ketua Angkatan Bersenjata China ke Malaysia pada 1994.

Precurement persenjataan Mahathir ini telah memberi kesan kepada Malaysia sebagai negara membangun yang begitu lantang dan berani bersuara. Di gelanggang antarabangsa suaranya begitu bergema bagi menyuarakan aspirasi Negara Dunia Ketiga dan komitment yang ditunjukkan

¹⁸ Pathmanathan. M. 1984. *Malaysia and World Affairs. The Mahadthir Impact on Foreign Policy*. Kuala Lumpur:Easview Production.Hlm 52.

¹⁹ David Jablonsky. 1994. *US Military doctrine and The Revolution in Military Affairs*. Parameters. US Army War College. Autumn. Hlm: 18-36.

melebihi pemimpin yang lain. Dasar yang dilaksanakan oleh Mahathir agak menyimpang daripada dasar yang diketengahkan oleh ketiga-tiga pemimpin negara yang terdahulu, terutama dasar yang tidak berkiblat ke barat dan beliau telah berbaik dgn sekutu Soviet.

Kesimpulan

Pembaharuan bentuk DPN ini daripada *dependency* kepada *neutrality* seterusnya berubah kepada *self reliance* jelas membuktikan Malaysia begitu komited untuk mempertahankan kepentingan strategiknya serta memelihara kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan Malaysia. Sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 sehingga era pemerintahan Tun Mahathir (1981-2003) merupakan tempoh perubahan dasar pertahanan yang agak drastik kepada sebuah negara kecil yang ‘gah’ untuk sama-sama bersaing dalam arena antarabangsa. Ini penting untuk kelangsungan dan survival Malaysia sesuai dengan objektif Dasar Pertahanan Negara iaitu untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan negara yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi negara.

Rujukan

- Abdul Razak Baginda (1992).Five Power Defence Arrangement: Two Decades and Beyond. *Journal of Strategic Studies and International Relations*.Vol.1 (1). February.
- Abdul Aziz, The Maritime Economy Of Malaysia, Pelanduk Publication (M) Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1997.
- Adam Roberts (1996). The United Nations: Variants Of Collective Security. Dalam Ngaire Woods, *Explaining International Relations Since 1945*. Oxford: Oxford University Press.
- Albar, S. H. (2004). Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges. *Malaysia In World Politics: The Challenge Ahead* .
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1997) . Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asian Defence Years Book 2000 - 2001, Syed Hussin Publications, Kuala Lumpur, 2001.
- Azman Abdul Razak.(2009). Konsep Pertahanan Menyeluruh di Malaysia: Cabaran dan Masa Depan Angkatan Tentera Darat.
- Bary Buzan (1987). *An Introduction To Strategic Studies: Military Technology And International Relations*. London: Macmillan For The International Institute For Strategic Studies.
- Bruce Russet Dan Harvey Star . 1985. World Politoocs:The Menu For Choice. New York: W.H Freeman And Company
- Clarenc L. Barnhart & Robert R. Barnhart.(1981). *World Book Dictionary*. Chicago: World Book- Childcraft International inc.
- Colin S. Gray (1971). The Arms Race Phenomenon. *World Politics*. Vol 14.Hlm 40-41
- Burton, D.W. 1990. *The Political Economy of Foreign Policy in Southeast Asia*. London: The Macmillan Press.
- Chandran Jeshrun, Malaysia Defence Policy – A Study In Parliamentary Attitudes 1963 – 1973, University Malaya, Kuala Lumpur , 1980.
- Couplin, W. (1980). *International Politics:An Introduction*. New Jersey: Prentice Hall Publications.
- Chamil Wariya (1989). *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan Dan Isu Utama Sejak 1945*.Kuala Lumpur: Amk Interaksi Sdn Bhd.
- David Jablonsky. (1994). *US Military doctrine and The Revolution in Military Affairs*. Parameters. US Army War College. Autum.

- Edmund Burke and James Medison.Dipetik dari M Amstutz (1995). International Conflict and Cooperation: An Introduction To World politics. Madison Brown & Benchmark
- Faridah Jaafar.(2007). Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005.Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hans J. Morgenthau. (1948). Politics among nations: The struggle for power and peace. New York: Alfred Knopi.
- Hedley Bull, 'Society and anarchy in international politics: Anarchy, force, imperialism', 1973.
- Graham Evans and Jeffrey Neunham.(1998). *The Penguin Dictionary of International Relations*. England: Penguin Books Ltd
- John Van Maanem. (1979).Reclaiming Qualitative Methods for Organizations Research: A Preface, *Administrative Science Quarterly* 24. no. 4
- Johan Galtung .(1980). *Transarmament And The Cold War: Peace Research And The Peace Movement*. Copenhagen: Christian Eljers.
- Julian Lider .(1979). *On The Nature Of War*. United Kingdom: Saxon House Teakfield Ltd.
- Karminder Singh Dhillon.(2009). Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era, 1981-2003: Dilemmas of Development.Singapore.
- Kamarulnizam Abdullah. (2012). *Keselamatan Nasional Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ke Arah Pertahanan Yang Berdikari: Pertahanan Malaysia (*Towards Self Reliance: Malaysian Defense*). Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Kementerian Pertahanan Malaysia, Pertahanan Malaysia Ke Arah Berdikari, Warisan Advertising, Kuala Lumpur, 1996
- K. Ramanathan. (2000). *Konsep Asas Politik*. Edisi Ketiga.Pulau Pinang: ALMS Digital Enterprise
- K. Ratnam. (1998). *Sejarah Kertas 940/2 Malaysia, Asia tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur*. Pustaka sarjana Sdn .Bhd: The Commercial Press
- K.S Nathan.(2008). Malaysia and international security:Role and commitments, issues and challenges. Pembentangan kertas kerja . The 6th Internatinal Malaysian Studies Conference. Kuching. Crown Plaza Riverside Hotel. 5-7 August.
- K. J. Holsti. (1991). 'Power, capability and influence in international politics', dalam Charles W. Kegley, Jr & Eugenc R. Wittkof (pnyt), *The global agenda: Issue and perspectives*, McGraw Hill Inc, London.
- Nordin Mohd Yusof and Abdul Razak Abdullah Baginda. (1994). Honour and Sacrifice : The Malaysian Armed Forces, Warisan Advertising Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Makalah Penerangan.1975. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Mardiana Nordin dan Hasnah Husin.(2011). Pengajian Malaysia. Edisi Keempat.Oxford Fajar.
- Md.Zaki Md Zain (2005). Senario Masa Hadapan Persekutuan Pertahanan: Panduan Halatuju Pembangunan Pertahanan Negara (Future Scenario on Defense Environment: Guideline and Direction of National Defense Development). *Paper Presentation. Konferen Kebangsaan Pertahanan Strategik dan Keselamatan Serantau (PERKASA) (National Conference on Strategic Defence and Regional Security)*. Putrajaya:Pusat Konvensyen Antarabangsa.24-26 Mei.
- Merriam, Sharan B. (2009).Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation. San Francisco: Jossey Bass.
- Michael T. Klare. *The next great Arm Race*. Foreign Affairs.Vol. 72. Bil. 3. 1993.
- Mohammed Ayoob (1995). *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict and The International System*. Boulder:Lynne Rienner.

- Mohd Noor Yazid (2000) *Politik Antarabangsa Asia Pasifik (The International Politics of Asia Pacific)*. Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors.
- Muthiah Alagappa (1990). Malaysia:From The Commonwealth Umbrella to Self Reliance. In K.W Chin (ed). *Defence Spending in Southeast Asia*. Singapore:ISEAS
- M.V Naidu (1974). Alliance And Balance Of Power. New York:St Martin's Press
- Politic. (1991) : The Second Generation. South East Asian Social Science Monograph, Oxford University Press, Singapore.
- Pertahanan Malaysia.(1997). Ke arah Pertahanan Yang Berdikari. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Pathmanathan. M. (1984). *Malaysia and World Affairs.The Mahadthir Impact on Foreign Policy*. Kuala Lumpur:Easview Production.
- S. Jayasankaran.(2002). *Malaysia call for arms. Far Eastern Economic Review*, 16 Mei 2002.
- Saravanamuttu, J. (1983). The Dilemma of Independence:Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977. Penang: University Science Malaysia.
- Zakaria Haji Ahmad (1987).Asian-Pacific Security Into The Twenty-First Century: Political, Economy and Social Trends. *Asian Defence Journal*. August.
- Zulkairi Zainuddin (2005). ATM: Pertahankan Kedaulatan Bumi Bertuah. Perajurit.Disember.

Majalah

- Saiful Anwar Md Ali (2004a). Kuasa Tentera Dan Keberkesanannya. *Perajurit*. Mac.
- Saiful Anwar Md Ali (2006b). Peperangan Dan Evolusi Peperangan. *Perajurit*. Mei.